

PUISI INTAN PEMANGKIN PEMIKIRAN

Fawziyah Binte Ali

University Brunei Darussalam (UBD), Negara Brunei Darussalam

fawziyah.btss@gmail.com

Abstract

Due to its strong belief that it can render assistance to 21st Century Malay Language secondary students in the writing of essay narratives, Puisi Intan is being explored again. More specifically, it is believed that the successful incorporation of critical thinking and inventive thinking is crucial in the teaching and learning of the process writing of essay narratives as well as other subjects. By listing down words and phrases, Puisi Intan is created as a scaffolding in essay narrative writing. Constructivism is a theory being applied in this article as knowledge is actively constructed during the scaffolding process writing by the learner and facilitated by the teacher. In this exploratory research which is carried out in Brunei and Singapore, the respondents comprise of secondary 2 / Year 8 Malay Language students. Data is gathered qualitatively from the survey administered after conducting a few lessons on the essay narrative writing using Puisi Intan. Results of the data analysis show that most of the students approve of the use of Puisi Intan as an instructional scaffolding technique in the writing of narrative essay. Respondents applied the critical and inventive thinking skills in generating ideas for their essay writing too. To develop students in thinking critically and become good inventors, educators are urged to review their teaching plans and incorporate techniques to suit these 21st century students.

Keywords: critical thinking, inventive thinking, essay narrative writing, Puisi Intan

Abstrak

Puisi Intan dikaji semula kerana fungsinya yang dipercayai dapat membantu pelajar abad ke-21 dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu yang memerlukan pengintegrasian pemikiran kritis dan pemikiran inventif. Dengan sifatnya yang berstruktur dan mudah dimanipulasi, Puisi Intan berupaya memainkan peranan ini. Puisi Intan tidak hanya dapat membantu meluaskan kosa kata pelajar tetapi juga memberi peluang kepada pelajar untuk berkreatif serta mempraktikkan pemikiran kritis dan inventif dalam proses menulis karangan naratif. Yang lebih penting lagi, kemahiran yang diperoleh dapat diaplikasikan dalam subjek-subjek lain seperti penulisan esei bahasa Inggeris, Sains, Matematik, Geografi dan sebagainya. Dengan hanya menyenaraikan kata-kata yang berkaitan dengan tema topik karangan, terciptalah Puisi Intan yang menjadi perancah bagi proses penulisan karangan naratif. Teori Konstruktivisme diguna pakai dalam kajian ini kerana pelajar dapat menimba pengetahuan baharu ketika menjana idea bagi pelbagai teknik karangan naratif. Proses perancahan ini juga melibatkan pemikiran kritis dan pemikiran inventif. Dalam kajian eksploratori ini, responden dari dua buah sekolah menengah di Singapura dan di Brunei telah diperkenalkan dengan teknik Puisi Intan. Pengumpulan data secara kualitatif dan kuantitatif diambil dari ujian pra dan pasca responden serta dari borang soal selidik yang ditadbirkan. Hasil analisis kajian awal memperlihatkan budaya berfikir diadaptasi dalam Rutin Berfikir 'Figura Bahasa' - proses menulis karangan naratif dengan berlandaskan kerangka Puisi Intan dan pemikiran kritis dan inventif. Pelajar sebagai responden akurakan keberkesanan teknik Puisi Intan sebagai atas Rutin Berfikir ini. Pembelajaran penulisan karangan naratif kian menarik. Diharapkan kajian ini sebagai batu loncatan kepada frateniti pendidikan dalam menghidupkan semula budaya berfikir dalam penulisan karangan naratif.

Kata Kunci: pemikiran inventif, pemikiran kritis, penulisan karangan naratif, puisi intan

PENDAHULUAN

Abad ke-21 dipacu oleh ilmu pengetahuan yang sentiasa berkembang. Ia menuntut sistem pendidikan baru di seluruh dunia iaitu kemahiran berfikir khususnya pemikiran kritis dan pemikiran inventif (CIT) yang boleh membantu pelajar menyesuaikan diri dengan perubahan dan perkembangan teknologi dalam segala bidang. Negara-negara Singapura dan Brunei turut giat memastikan pengajaran dan pembelajaran di sekolah sentiasa relevan dalam era globalisasi ini termasuk memperkuatkan kemahiran berbahasa pelajar di kedua-dua negara ini. Subjek Bahasa Melayu sebagai salah subjek wajib dalam kurikulum sekolah rendah dan sekolah menengah di Brunei dan di Singapura, turut membuat anjakan paradigma dengan mengintegrasikan pengajaran dan pembelajaran yang menekankan kemahiran berfikir atas dasar kepentingannya. Justeru, kemahiran tersebut perlu ditunjuk ajar secara eksplisit melalui proses perancangan yang betul dan menarik agar ia bercambah menjadi budaya berfikir dalam kalangan pelajar sehingga mereka berkerjaya.

Dalam konteks pendidikan, melalui penulisan, pelajar dapat merasakan betapa pentingnya kemahiran menulis dikuasai melalui pembelajaran secara formal. Kemahiran dalam penulisan memerlukan penulisnya menguasai kaedah yang berkesan supaya penyampaian mesej atau maklumat dapat dibuat tanpa sebarang halangan komunikasi. Proses memberikan pemahaman kepada pembaca menjadi lebih baik apabila penulis menunjukkan penguasaan yang mendalam dalam bidang penulisan secara lebih sistematik.(Yahya Othman, 2005)

Pendidikan pada abad ke-21 perlu melengkapkan pelajar dengan kemahiran di mana perubahan perlu dilakukan daripada mengukur pengetahuan yang diskret kepada mengukur dan menilai keupayaan pelajar untuk berfikir secara kritis, menilai masalah, mengumpul maklumat, kerjasama dan komunikasi, kreativiti serta inovasi yang diperlukan untuk kejayaan di masa hadapan (Maria dan Kamisah, 2010b).

Penulisan yang menggalakkan budaya berfikir sememangnya telah lama digalakkan oleh agama Islam yang melihatnya sebagai satu ibadah yang amat dituntut dalam kehidupan seharian.

Pernyataan Masalah

Masih banyak kendala yang dihadapi guru dan pelajar yang menyebabkan proses pembelajaran menulis karangan tidak lancar. Antara batasannya ialah kurangnya keghairahan serta minat pelajar terhadap penulisan karangan naratif. Perbendaharaan kata yang terhad yang dimiliki pelajar juga dikatakan menjadi penyebab karangan yang dihasilkan pelajar kurang ‘menggigit’. Hasil karangan pelajar kebanyakannya tanpa penggunaan dialog atau monolog mahupun frasa-frasa berbunga yang sesuai dengan tema karangan serta mengandungi pembinaan unsur plot yang kurang menarik. Begitu juga dengan watak dan perwatakan yang dicetuskan oleh pelajar dalam cerita mereka yang rata-rata, sama sahaja dengan kebanyakan cerita.

Kemampuan guru dalam memberi pelajar pendedahan pada pembelajaran bahasa figuratif dan menggalakkan pelajar untuk lebih imaginatif dalam penulisan karangan juga antara faktor yang menjadi penyebab kurang berhasilnya pembelajaran penulisan karangan naratif. Bahasa figuratif seperti kosa kata yang bombastik sebenarnya boleh digunakan sebagai satu bahan pemula yang dapat menarik perhatian pembaca untuk terus membaca karangan tersebut.

Kesukaran dalam menjana idea dalam aktiviti penulisan turut merendahkan kualiti karangan naratif. Budaya berfikir, iaitu rutin berfikir yang telah diperkenalkan di dalam persekitaran pembelajaran di sekolah, rata-rata kurang menyerlah dalam kalangan pelajar. Sebenarnya, budaya berfikir yang membentuk pelajar abad ke-21 perlu diperaktikkan secara konsisten kepada pelajar. Tugas ini sememangnya patut disandang oleh para guru.

Rutin berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran merupakan satu strategi yang dapat membina kemahiran berfikir pelajar jika ia dijadikan satu kelaziman setiap kali pengajaran dan pembelajaran dijalankan di bilik darjah. Sehubungan dengan ini, guru harus memainkan peranan yang aktif dalam mewujudkan budaya berfikir setiap kali memulakan pengajaran. Sebenarnya, dalam menyampaikan pengajaran menulis karangan naratif, guru harus memilih strategi yang sesuai agar dapat menarik minat

pelajar untuk mengikuti pembelajaran penulisan karangan naratif ini, seterusnya menyuntik kreativiti mereka.

Oleh itu, pengkaji mengambil inisiatif untuk menggalakkan budaya berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan naratif dengan menjalankan kajian ke atas pelajar-pelajar sekolah menengah rendah di Brunei dan di Singapura. Kajian ini sebenarnya adalah kajian awal bagi tesis yang sedang ditulis oleh pengkaji.

Kajian mengenai pemikiran kritis dan pemikiran inventif (CIT) dalam proses pengajaran dan pembelajaran karangan naratif ini yang digelar Rutin Berfikir ‘Figura Bahasa’, akan meningkatkan prestasi pembelajaran dalam kalangan pelajar yang memilih karangan naratif dalam peperiksaan. Pemikiran CIT ini membolehkan pelajar memberi hasil yang terbaik dalam penulisan mereka. Di samping itu, kajian ini diharap dapat membantu pihak kementerian berserta sekolah dalam usaha menerapkan pemikiran CIT dalam sukanan mata pelajaran penulisan karangan naratif.

Rutin Berfikir ‘Figura Bahasa’ dibina khusus untuk membudayakan pemikiran kritis dan pemikiran inventif dalam proses pembelajaran penulisan karangan naratif dengan kerangka Puisi Intan sebagai perancangnya.

Kepentingan Kajian

Matlamat sistem pendidikan Brunei dan Singapura adalah untuk melahirkan rakyat yang berfikir, mempunyai iltizam dan berupaya menghadapi cabaran masa hadapan serta berupaya memenuhi tuntutan abad ke-21. Sekolah berdaya fikir melahirkan sebuah sekolah sebagai satu organisasi yang sentiasa ‘belajar’, sentiasa mencabar andaian, dan mencari kaedah yang terbaik melalui penyertaan, kreativiti dan inovasi. Sekolah berdaya fikir menjadi pusat melahirkan pelajar yang berfikir dan golongan dewasa yang berfikir; dan semangat untuk belajar ini akan tertanam dalam jiwa pelajar walaupun mereka sudah meninggalkan bangku sekolah.

Untuk mencapai matlamat ini, penerapan pemikiran CIT perlu dijalankan secara eksplisit oleh pihak sekolah. Dengan dilakukan secara eksplisit, kemampuan para pelajar lebih meyakinkan. Mereka dilihat berupaya mempraktikkan pemikiran CIT ini dengan lebih bersistematis dan berjaya mempraktikkan pemikiran CIT di dalam semua subjek; di mana-mana sahaja mereka berada dan dalam segala situasi. Ini dinamakan budaya berfikir.

Kemahiran Berfikir di Negara Brunei Darussalam

Dalam memperkembangkan kemahiran berfikir dalam kalangan pelajar, Kementerian Pendidikan (MOE) Brunei telah memperkenalkan alat berfikir Cognitive Research Trust (CoRT) yang telah diasaskan oleh Edward de Bono, sebagai projek rintis dalam tahun 1993 ke atas 6 sekolah menengah. Projek ini diluaskan untuk merangkumi semua sekolah menengah melalui bengkel yang dikendalikan dalam tahun 1997 dan 2000.

Kemahiran berfikir ialah salah satu kemahiran penting dalam sistem pendidikan nasional Brunei yang baharu untuk abad-21 yang dikenali sebagai *Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21* (SPN 21) yang telah merubah pedagogi pengajaran dan pembelajaran di sekolah rendah dan menengah. Objektif SPN 21 adalah memaksimumkan intelektual, kerohanian, emosi, sosial dan potensi fizikal setiap individu. Ini dapat dicapai dengan memperkembangkan kemahiran berfikir pelajar dan melengkapkan mereka untuk pembelajaran sepanjang hayat sesuai dalam dunia yang sering berubah ini.

Kemahiran Berfikir Di Singapura

Kementerian Pendidikan (MOE) Singapura meletakkan pemikiran kritis dan inventif sebagai kemahiran abad ke-21 yang perlu diterapkan dalam sistem pembelajaran di Singapura. Khususnya dalam bidang pendidikan, penjanaan daya pemikiran kritis dan pemikiran inventif memerlukan pembangunan sistem yang terancang bagi melatih tubi dimensi pemikiran para pelajar. Menurut Laporan Jawatankuasa Semakan Bahasa Ibunda 2010, antara objektif umum pengajaran dan pembelajaran Bahasa Ibunda adalah untuk membina pengguna bahasa yang boleh berfikir secara kritis dan inventif. Jelasnya, tanpa keupayaan untuk berfikir secara sistematis dan berstruktur, kecemerlangan para pelajar terhambat. Maka itu, pembelajaran penulisan karangan naratif harus dilakukan dengan cara kreatif dan inovatif untuk mengurangi hambatan atau kesulitan yang sering dihadapi pelajar ketika menulis karangan naratif.

Pemikiran CIT merupakan suatu kemahiran yang penting dalam pendidikan. Mentelah lagi, visi MOE Singapura, ‘Sekolah Berdaya Fikir, Negara Penimba Ilmu’ atau *Thinking Schools, Learning Nation* telah menegaskan perkara ini. Justeru, budaya berfikir harus wujud dalam setiap sekolah agar dapat melahirkan pelajar yang berfikir.

KAJIAN LEPAS

Konsep karangan naratif telah mendapat perhatian ramai pengkaji. Beberapa kajian telah dijalankan untuk menyelidik tentang kemahiran berfikir dan penulisan karangan naratif. Antaranya ialah Yahya Othman (2005) dan Ahmad Khair Nor (2005) yang menyatakan penguasaan kemahiran menulis memerlukan pengajaran menulis yang berstruktur. Nik Safiah Karim (2004) pula berpendapat proses menulis karangan merupakan kemahiran yang paling sukar untuk dikuasai jika dibandingkan dengan kemahiran bahasa yang lain kerana pelajar jarang menulis dan ini menyebabkan mereka tidak mahir. Justeru, proses menulis memerlukan aktiviti pemikiran sebelum dan semasa menulis karangan (Suppiah Nachiappan, 2006). Ternyata peranan guru sebagai pembimbing dan pemudah cara amat dihargai ketika ini.

Menurut Kamsiah Abdullah (1993:484) pula, antara sub-kemahiran yang perlu ada dalam penulisan karangan ialah kebolehan menulis mengikut isi dan topik yang sesuai, isi yang mencukupi, idea yang segar dan asli, menjalin perenggan dengan baik, pengenalan yang jelas, gaya bahasa yang berkesan dan penutup yang kemas. Oleh yang demikian, karangan naratif yang baik memerlukan kemahiran menulis yang mampu menggabungkan kebolehan mengolah isi, bahasa dan susunan idea yang koheren di samping penggunaan gaya bahasa yang bersesuaian dengan tema karangan.

Noni Ratina (2007) mengemukakan kajian berkaitan karangan naratif menengah empat di Brunei. Hasil dapatan beliau menunjukkan penggunaan gaya bahasa kurang memuaskan kerana pelajar belum menguasai kemahiran menulis dengan baik. Hanya 13% pelajar menggunakan bahasa perumpamaan dan hiperbolik dalam karangan mereka.

Kajian yang dijalankan oleh Yahya Othman (2012) pula tentang penggunaan gaya bahasa dalam penulisan karangan naratif pelajar prauniversiti di Brunei Darussalam menunjukkan terdapat variasi penggunaan gaya bahasa dalam penulisan karangan naratif. Dapatan kajiananya juga menunjukkan masih terdapat pelajar yang tidak mahir menggunakan gaya bahasa perbandingan bagi menyatakan maksud tersirat.

Terdapat beberapa usaha dijalankan oleh guru-guru bahasa Melayu di Singapura untuk memperbaik pulih isu ini. Rosnita dan Sarifah (2013) menjalankan kajian mengenai keberkesanan teknik BKEMAS dalam kemahiran menulis karangan naratif pelajar sekolah rendah. Dapatan kajian mereka menunjukkan penggunaan rubrik dan senarai semak telah meningkatkan penggunaan peribahasa dan frasa berbunga dalam karangan pelajar Darjah 5. Kajian yang dijalankan oleh Nur Fazalina dan Suriana (2014) berkaitan dengan gaya bahasa perbandingan dalam penulisan karangan naratif. Hasil dapatan kajian mereka menunjukkan lebih ramai pelajar telah menggunakan gaya bahasa perbandingan dalam karangan naratif mereka. Selain itu, maklum balas guru yang menyatakan pentingnya memahami maksud gaya bahasa perbandingan terlebih dahulu sebelum dapat menggunakan dengan betul dalam penulisan karangan pelajar perlu diberi perhatian. Nuraishah dan Sanisah (2014) pula menjalankan kajian pengajaran bagi penggunaan frasa berbunga dalam karangan naratif. Hasilnya, pelajar lebih memahami penggunaan frasa berbunga dalam karangan. Dapatan ini juga menunjukkan penggunaan frasa berbunga dapat membantu pelajar menggambarkan sebuah situasi dengan lebih jelas, meningkatkan mutu dan unsur estetika penulisan pelajar.

Kamsiah Abdullah (1994) menjalankan kajian mengenai penerapan pemikiran kritis yang berkaitan dengan pemahaman membaca. Pemikiran kritis merupakan suatu keupayaan kognitif yang kompleks dan bertautan dengan keupayaan berbahasa seseorang. Oleh itu, kemahiran ini boleh diajar dalam pelbagai bidang atau bahasa-bahasa lain. Di sinilah peranan guru amat penting. Para guru perlulah melatih para pelajar dengan pemikiran CIT secara konsisten sekali gus menggalakkan budaya membaca dan berfikir dalam diri pelajar.

Menurut Steele (2008), penggunaan unsur pengajaran visual seperti peta minda dan penyusun grafik merupakan salah satu aktiviti pramenulis yang berkesan. Ia merupakan strategi berstruktur yang menunjukkan perkaitan idea. Dengan adanya informasi yang tersusun dan berkaitan antara satu sama lain, ia dapat membantu pelajar-pelajar menyusun idea dengan lebih baik dan berstruktur ketika menulis.

Winn (2004) berpendapat bahawa cara bagi menggalakkan pelajar berfikir secara kritis adalah apabila pendidik mengemukakan bahan mengajar yang memaparkan isu yang boleh membuat minda mereka

berdetik. Menurut John Dewey (1933), pelajar boleh berfikir secara reflektif melalui soalan atau bahan yang diajukan kepada mereka. Sudah pastinya, bahan tersebut dapat membuat mereka berfikir secara mendalam akan sesuatu tema. Santrock (2004) pula mengatakan, antara salah satu cara bagi mengukuhkan pemahaman pelajar dan mewujudkan idea-idea serta informasi baharu adalah dengan bersoal jawab dengan pelajar. Inilah hasil sistem pendidikan yang ingin diperolehi pada abad ke-21.

Kajian oleh Robert H. Ennis (1989) juga menyentuh tentang konsep pemikiran. Dalam kajian ini, pemikiran kritis dilihat sebagai wadah muhasabah diri yang tertumpu pada apa yang ingin dipercayai atau apa yang ingin dilakukan. Sehubungan ini, pemikiran CIT juga boleh diintegrasikan dalam pelbagai situasi.

Colleen Johnson (2002) pula mengkaji pembelajaran kanak-kanak yang berkesan. Kajian ini membuktikan bahawa kanak-kanak mampu berfikir dengan lebih mendalam tentang proses pemikiran mereka sendiri. Justeru, pemikiran CIT terbukti boleh ditunjuk ajar kepada kanak-kanak juga.

Ron Ritchhart (2006) yang terkenal dengan Rutin Berfikir menyatakan bahawa rutin berfikir merupakan wadah yang unik dan boleh diaplikasikan merentasi peringkat pelajar, konteks dan subjek pengajaran. Rutin berfikir bukan sahaja boleh diterapkan ke dalam aktiviti pembelajaran tetapi juga boleh berfungsi sebagai alat yang menjurus kepada objektif pengajaran guru. Menurut Ritchhart lagi, Rutin Berfikir bersifat anjal yang membolehkan guru membentuk dan merancang kaedah pengajaran yang berbeza mengikut tahap dan cara pembelajaran para pelajar. Dengan sering kali mengaplikasikan rutin berfikir di dalam pengajaran dan pembelajaran, sudah pasti ia akan berubah menjadi satu budaya berfikir dalam bilik darjah.

Dapatkan kajian Ron Ritchhart bersama David Perkins (2005) dalam *Projek Zero* telah menunjukkan keberkesanan penggunaan Rutin Berfikir dalam pengajaran guru. Para guru yang terlibat dalam kajian ini mampu meneroka pemikiran pelajar mereka berasaskan pada pemantauan di dalam kelas, perbincangan sesama guru, hasil-hasil kerja pelajar serta penglibatan pelajar di dalam kelas semasa Rutin Berfikir dijalankan. Apabila guru-guru dapat menjangka hasil kerja pelajar, secara langsung, guru dapat melakar pembelajaran yang sesuai dengan pelajar-pelajar di dalam kelas tersebut. Ini akan pasti menjimatkan masa dan tenaga pendidik.

Hasil analisis kajian yang dijalankan oleh Angela K. Salmon (2008) juga sependapat dengan Ritchhart. Beliau memperlihatkan penggunaan Rutin Berfikir yang dapat membangunkan dan meningkatkan budaya berfikir dalam kalangan pelajar. Ini adalah kerana Rutin Berfikir dapat menjana hasil yang berbeza. Antaranya ia dapat digunakan berulang-ulang kali, dapat digunakan dalam pelbagai subjek, dapat digunakan oleh individu mahupun kumpulan serta mudah ditunjuk ajar cara mengaplikasikannya dan dipelajari. Rutin-rutin yang diaplikasikan dalam kajian yang dijalankan ternyata mampu membimbing pelajar dalam memproses cara mereka berfikir, contohnya, penulisan karangan naratif.

Marcia F. Hildebrand dan Helen S. Simpson (2009) telah menjalankan kajian yang menggunakan Rutin Berfikir kepada pelajar Gred 4 dan 5. Mereka menggunakan empat strategi iaitu *See-Think-Wonder*, *Think-Puzzle-Explore*, *What Makes You Say That* dan *Headlines*. Dua daripada strategi tersebut iaitu *See-Think-Wonder* dan *Think-Puzzle-Explore* adalah daripada ‘Penyuntikan dan Penerokaan Idea’. Dapatkan kajian memperlihatkan keberkesanan penggunaan strategi-strategi tersebut kerana adanya kenaikan markah dalam ujian-ujian subjek Pendidikan Sosial (Social Studies). Ini disebabkan guru-guru menggunakan teknik penyoalan aras tinggi yang memerlukan pelajar berfikir secara kreatif dan kritis. Berdasarkan pemantauan guru, budaya berfikir serta penglibatan aktif pelajar dalam kelas Gred 4 dan 5 menunjukkan keberkesanan keempat-empat strategi tersebut.

Abdullah (1996) pula menyatakan dalam kajiannya bahawa penulisan karangan berlandaskan ketepatan memberikan satu unsur realiti pada watak, berupaya mempersempahkan isi atau buah fikiran dengan lebih kreatif, penggunaan bahasa yang tepat serta gramatis, pengolahan, penyampaian dan pemerenggan juga menunjukkan peningkatan.

Persatuan Falsafah Amerika akur akan sebuah kajian kualitatif yang melibatkan sekumpulan pakar dari pelbagai disiplin yang memperlihatkan bahawa pemikiran kritis memanfaatkan kaedah Delphi (Facione, 1990). Kajian ini mendefinisikan pemikiran kritis sebagai “berfaedah, penilaian kendiri yang menghasilkan interpretasi, analisis, penilaian dan inferens serta penjelasan akan konsep, metodologi, kriteriologi dan pertimbangan konteks berdasarkan pilihan tersebut” (Facione, 1990, hlm.2). Laporan persatuan ini seterusnya menerangkan bahawa pemikiran kritis diperlukan sebagai alat persoalan, justeru ia adalah kuasa pembebasan dalam pendidikan serta sumber yang kuat dalam kehidupan secara peribadi dan sosial.

Kajian yang berkaitan dengan karangan naratif dan bahasa figuratif bagi bahasa Melayu dikaji oleh Fariah Serajul Haq et. al. (2001). Mereka telah menjalankan kajian mengenai masalah penulisan naratif

dalam kalangan pelajar menengah. Dapatkan kajian ini menunjukkan pelajar mendapat skor yang tinggi bagi idea dan organisasi tetapi mendapat skor yang rendah bagi konvensi penulisan iaitu teknik-teknik karangan.

Puisi Intan yang diperkenalkan oleh Kamsiah Abdullah (2014) bertujuan untuk mempelbagaikan cara penulisan yang berpuitis. Ia merupakan istilah yang diberikan pengkaji kepada satu genre yang semakin popular di laman maya yang dikenali sebagai *Diamante* atau ‘diamond poems.’ Kekata ‘intan’ ini dilhamkan daripada bentuk grafik puisi yang menyerupai bentuk sebuah permata. Penulisan Puisi Intan ini telah mula diperkenalkan oleh pengkaji beberapa tahun sebelumnya kepada guru-guru pelatih program Diploma Pendidikan, Sarjana Muda Sastera dan kemudian kepada para peserta Program Sarjana Pendidikan separuh masa (PDCM) yang mengikuti program latihan yang dianjurkan oleh Institut Pendidikan Singapura (NTU/NIE). Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan khusus untuk meneroka kewajaran dan kebolehlaksanaan mengajar teknik penulisan baharu ini. Sebuah kohort guru pelatih dan sebuah kohort guru berpengalaman merupakan responden bagi kajian rintis ini. Maklum balas berupa renungan dijadikan sebagai data berbentuk kualitatif. Hasil analisis data menunjukkan bahawa Puisi Intan mempunyai potensi besar sebagai satu genre yang boleh diperkenalkan ke dalam kurikulum pengajaran bahasa dan juga sastera Melayu, sama ada di peringkat sekolah rendah mahupun sekolah menengah.

Melihat tarikan yang ada pada Puisi Intan ini memberi satu peluang kepada pengkaji kertas kerja ini untuk melanjutkan kajian Puisi Intan di dalam disertasinya iaitu untuk mengkaji keberkesanan teknik ini dalam penulisan karangan naratif dan sama ada teknik ini dapat menggalakkan pemikiran CIT.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini berfokus pada sekumpulan subjek di dua buah negara jiran. Dapatkan kaedah kualitatif dan kuantitatif digunakan bagi mengukur keberkesanan kajian. Perbandingan kesan pencelahan dilakukan menerusi pra-ujian dan pasca-ujian. Pra-ujian merupakan karangan harian dan pasca-ujian pula merupakan karangan selepas kajian selesai dilakukan. Dalam kajian ini, pengajaran telah dijalankan oleh pengkaji sendiri. Soal selidik dijalankan untuk penganalisaan data kualitatif. Pra-ujian dan pasca-ujian dianalisis untuk data kuantitatif.

Puisi Intan atau *Diamante* berperanan sebagai wadah bagi pelajar mencetuskan idea yang bersifat kritis dan inventif bagi menyelesaikan ‘masalah obesiti’, tema bagi karangan naratif mereka. Puisi Intan merupakan satu teknik yang dapat membantu pelajar menyusun idea-idea dalam satu kerangka sebelum mereka memulakan penulisan karangan naratif mereka. Kerangka Puisi Intan beraksi seperti petunjuk akan isi apakah yang perlu ditulis agar pelajar tidak lupa ketika menulis karangan jenis naratif ini.

Perbincangan dijalankan terlebih dahulu untuk memahami tema yang diberi sebelum pelajar memulakan proses mengarang. Beberapa wahana teknologi seperti aplikasi Web 2.0 diguna pakai untuk menarik perhatian pelajar akan pembelajaran ini. Web 2.0 juga berperanan untuk memantau penglibatan pelajar dan menggalakkan pembelajaran kolaborasi di antara pelajar-pelajar itu sendiri kerana mereka boleh memberi maklum balas kepada rakan mereka. Selain daripada aplikasi *Diamante* dalam talian untuk membantu melakarkan idea karangan pelajar, kajian ini menggunakan aplikasi *Padlet* dalam talian sebagai platform di mana lakaran karangan pelajar-pelajar dikumpulkan selain daripada berkongsi idea dengan rakan sekelas. Aspek kolaborasi diterapkan di sini, seperti yang dikehendaki oleh teori Konstruktivisme.

Kajian ini mengetengahkan teori Konstruktivisme kerana pelajar harus juga berperanan dalam membangunkan sendiri pengetahuannya selain menerima pengetahuan yang asas daripada guru. Guru hanya berperanan sebagai pemudah cara.

Pelajar dibenarkan melungsur Internet untuk mencari frasa berbunga dan peribahasa yang menarik. Lebih baik lagi, pelajar digalakkan mencipta sendiri frasa berbunga yang ingin diterapkan. Pengkaji yang mengajar sendiri teknik ini kepada pelajar; mengulang semula teknik-teknik menulis karangan naratif seperti imbas kembali, menarikkan lagi watak yang diperkenalkan dengan kata-kata adjektif, penggunaan gaya bahasa yang berupaya ‘menghidupkan’ karangan mereka seperti dialog dan monolog, persoalan, onomatopoeia, penggunaan peribahasa serta pengolahan isi yang di luarbiasa. Menerusi kegiatan ini, pemikiran CIT secara sedar, dintegrasikan dalam proses mengarang.

Pelajar menerangkan dan menjelaskan watak dalam kerangka Puisi Intan dengan menggunakan pelbagai kata adjektif dan frasa kreatif. Pelajar dikehendaki menggunakan frasa adjektif yang menarik agar watak dapat digambarkan secara luarbiasa. Dalam kajian ini juga, pengkaji hanya bertindak sebagai pemudah

cara untuk menggalakkan pelajar meneroka cara-cara yang inovatif dalam penulisan karangan. Perkara ini juga sejajar dengan inisiatif MOE Singapura, *Teach Less Learn More* (TLLM) yang berteraskan penumpuan kepada pembelajaran murid dan sejajar dengan teori Konstruktivisme.

Pengkaji mengendalikan Rutin Berfikir ‘Figura Bahasa’ ini selama tiga minggu setiap sekolah dan kemudian mentadbirkan soal selidik dua minggu kemudian untuk mengetahui keberkesanan strategi ini. Rujuk Lampiran 1 bagi contoh rancangan pengajaran.

Perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) versi 21.0 telah diguna pakai bagi menjalankan analisis deskriptif untuk menjawab persoalan kajian ini.

Subjek kajian terdiri daripada 11 orang pelajar menengah dua di Singapura dan 9 pelajar Tahun 8 di Brunei yang rata-rata berusia 14 tahun yang pernah menjalani proses penulisan karangan naratif selama setahun sejak berada di menengah 1 (Singapura) atau Tahun 7 (Brunei). Secara umum, tahap kemahiran menulis para pelajar adalah sederhana. Pelajar telah dilengkapi dengan pengetahuan asas bagi penulisan karangan khususnya karangan naratif. Sekolah-sekolah ini telah mengintegrasikan kemahiran berfikir iaitu pemikiran kritis dan pemikiran inventif kepada pelajar-pelajar mereka melalui program sekolah. Hanya segelintir daripada pelajar-pelajar ini berupaya memperluaskan kosa kata dan menggunakan struktur bahasa yang baik.

Terdapat beberapa instrumen diguna pakai dalam kajian rintis ini. Selain daripada borang soal selidik yang bertanyakan latar belakang pelajar, minat serta pandangan pelajar mengenai pembelajaran menggunakan Rutin Berfikir ‘Figura Bahasa’, sesi wawancara juga diadakan bersama guru-guru yang hadir dalam bilik darjah sementara pengkaji mengajar pembelajaran karangan naratif.

Borang soal selidik menggunakan skala *Likert 4* jenis respons iaitu ‘Sangat Setuju’ (SS), ‘Setuju’ (S), ‘Tidak Setuju’ (TS) dan ‘Sangat Tidak Setuju’ (STS). Soalan-soalan di dalam borang soal selidik ini memberi tumpuan pada proses pengajaran dan pembelajaran bagi setiap fasa kajian yang diajar kepada pelajar. Borang soal selidik ini yang mengandungi 114 soalan objektif dan 5 soalan subjektif ini telah diberikan kepada pihak MOE Singapura dan penyelia pengkaji untuk diluluskan sebelumnya.

Salah satu keberkesanan Rutin Berfikir ‘Figura Bahasa’ ini dipantau melalui penggunaan borang soal selidik ini iaitu memahami persepsi pelajar terhadap strategi yang diguna pakai dalam pengajaran dan pembelajaran karangan naratif. Jenis soalan subjektif dan objektif telah dipilih untuk dianalisis. Dapatkan daripada maklum balas pelajar digunakan untuk mengukur keberkesanan rutin berfikir ini.

Kajian rintis ini juga mengambil kira markah pra-ujian dan pasca-ujian. Data yang diperoleh daripada pra-ujian dan pasca-ujian telah digunakan untuk mengukur pencapaian pelajar dan keberkesanan rutin berfikir ini. Hasil karangan pelajar dinilai dari segi isi dan bahasa untuk mengenal pasti kelakonan pelajar selepas intervensi dilakukan. Borang refleksi juga diberikan kepada pelajar agar dapat memperbaik mutu pengajaran karangan selanjutnya. Maklum balas guru secara individu sewaktu wawancara juga digunakan sebagai rujukan untuk memperbaik keberkesanan rutin berfikir ini.

Puisi Intan mempunyai ciri-ciri yang berbeza daripada *Diamante*.¹ *Diamante* adalah 7-baris templat atau kerangka yang disediakan dalam talian. Bilangan baris dan kata bagi Puisi Intan pula tidak terhad. Namun, kedua-dua kerangka ini memiliki bentuk yang sama iaitu seperti intan permata, tirus di kedua-dua hujung iaitu di atas dan di bawah. Satu perkataan sahaja di baris pertama dan terakhir namun jika boleh didapatkan bentuk intan bagi kerangka ini, tidak menjadi penghalang jika baris terakhir ditulis dengan 2 perkataan pendek disebabkan baris pertama yang dipilih merupakan suatu perkataan yang agak panjang bentuknya. Baris kedua dari atas dan baris kedua dari bawah sesuai dengan 2 perkataan sahaja untuk mendapatkan bentuk berlian. Yang penting, perkataan yang dipilih adalah sama panjang atau hampir panjang.

Berbeza dengan *Diamante* yang menetapkan kata nama bagi baris pertama, keempat dan terakhir; baris kedua dan keenam perlu kata adjektif serta baris ketiga dan kelima, kata kerja; Puisi Intan pula bersifat bebas, tidak terhad kepada sebarang undang-undang selagi bentuk intan dapat dicipta. Sebarang jenis perkataan boleh digunakan dalam kerangka Puisi Intan ini namun ia perlu bersesuaian dengan tema dan tajuk karangan.

Satu sebab lagi mengapa Puisi Intan dipilih dalam kajian rintis ini adalah kerana ia menggalakkan pelajar meluaskan kepanjangan ayat mereka sekali gus menepati jumlah perkataan yang diberi bagi karangan

¹ <http://www.readwritethink.org/files/resources/interactives/diamante/>

naratif. Dengan tidak menepati arahan akan jumlah perkataan bagi karangan boleh membawa pada pemotongan markah.

Ukuran keberhasilan Rutin Berfikir ‘Figura Bahasa’ yang dijalankan ini berdasarkan pada aspek kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian dan bagaimana penerimaan pelajar pada keseluruhan kajian ini. Melalui instrumen-instrumen ini, data serta maklumat kajian dikumpulkan dan selanjutnya dianalisis.

Kajian rintis ini dijalankan pada pertengahan bulan Februari di Brunei dan bulan April di Singapura. Sekolah-sekolah ini dipilih kerana pemikiran CIT telah diaplakisikan di sekolah-sekolah ini.

Kerangka Puisi Intan dalam talian (*Diamante*) diperkenalkan kepada kumpulan eksploratori ini untuk membantu mereka berfikir secara kritis dan inventif dalam mengembangkan teknik-teknik karangan naratif yang terlebih dahulu telah dipilih.

Setiap karangan dinilai berdasarkan skema pemarkahan karangan naratif yang digunakan di Singapura dengan markah maksimum ialah 20 markah bagi setiap ISI dan BAHASA. Jadual berikut menunjukkan taburan markah bagi karangan yang bermutu.

Jadual 1: Taburan Markah

Band Markah	Mutu Karangan
36 - 40	Cemerlang
30 - 35	Baik
25 - 29	Sederhana
24 - bawah	Lemah

Pelajar dikehendaki meneroka pelbagai frasa berbunga, watak dan idea serta gaya bahasa dari sudut yang berlainan, iaitu melibatkan pemikiran CIT. Para pelajar akan dibimbing untuk berfikir dengan mendalam tentang pelbagai komponen dalam penulisan karangan naratif. Pengkaji memberi masa yang secukupnya untuk pelajar melahirkan dan meneroka pelbagai idea secara terperinci. Sebagai pencetus minda, pengkaji menggalakkan pelajar memilih watak atau memberi idea yang tidak pernah diberi sepanjang pengetahuan mereka termasuklah memberi nama yang unik kepada watak yang dipilih. Kepelbagaian ini yang dicetuskan pelajar setelah mereka mengaplakisikan pemikiran CIT. Sebagai contoh, jika terdapat pelajar memilih watak seorang pak cik, mungkin boleh dipelbagaikan watak pak cik itu iaitu seorang pak cik yang tidak pernah bersekolah, atau seorang pak cik yang berpendidikan tinggi dan sebagainya. Pengkaji menggalakkan pelajar mengemukakan idea yang berlainan juga agar dapat memberi satu unsur kejutan kepada pembaca yang membaca karangan tersebut.

Hasil daripada analisis pra-ujian yang dijalankan, didapati bahawa kendati pelajar berupaya menghasilkan sebuah karangan naratif yang mengikut kriteria yang ditetapkan untuk karangan naratif, mereka masih belum berupaya menyelitkan elemen-elemen menarik seperti perwatakan yang lain daripada lain, dialog, monolog, onomatopaeia, peribahasa atau simpulan bahasa, frasa berbunga, pengolahan isi, persoalan dan imbas kembali. Inilah elemen-elemen yang difokuskan dalam kajian ini kerana setelah menjadi guru selama lebih daripada 20 tahun di sekolah rendah dan sekolah menengah di Singapura, pengkaji merasakan elemen-elemen ini lebih mendapat perhatian dan membawa markah yang lebih.

Kerangka Puisi Intan agak unik kerana disebabkan keterbatasan tempat, pelajar perlu mencari perkataan yang lebih tepat dan padat untuk menerangkan idea yang ingin mereka sampaikan. Dengan cara ini, pelajar digalakkan untuk mendalami sesuatu idea itu dengan lebih kritis dan membuat satu ciptaan baharu. Rutin Berfikir ‘Figura Bahasa’ bersama kerangka Puisi Intan saling melengkapai budaya berfikir dalam bilik darjah kerana ia berjaya mewujudkan suasana yang interaktif dan komunikatif.

Setelah selesai menjalankan proses intervensi, aktiviti pasca-ujian dikendalikan dengan tema yang sama. Markah pasca-ujian diambil kira dan dianalisis bahagian-bahagian yang dipilih pengkaji. Bagi melengkapkan kajian ini, para pelajar diberikan satu borang soal selidik yang merangkumi setiap fasa kajian ini. Borang soal selidik ini boleh juga bersifat refleksi untuk pengkaji bagi memperbaik pulih rutin berfikir ini pada masa mendatang.

Analisis statistik deskriptif telah digunakan pada keseluruhan markah pra-ujian dan pos-ujian untuk mendapatkan min dan sisihan piawai sebagai analisis awal. Ini adalah kerana data-data yang dikumpul berdasarkan kaedah analisis kandungan diolah ke dalam bentuk angka. Rasional menggunakan kaedah ini

adalah kerana ia saling melengkapi, dapat meningkat kebolehpercayaan yang tinggi dan mengukuhkan lagi daptan kajian (Cresswell dan Plano, 2007).

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini akan mengemukakan analisis dapatan kajian secara kuantitatif dan kualitatif. Seterusnya bahagian ini akan turut membincangkan signifikan daptan tersebut.

Reka bentuk yang digunakan untuk kajian ini ialah reka bentuk triangulasi. Kaedah-kaedah pengumpulan data penyelidikan kualitatif yang digunakan dalam kajian ini termasuk temu bual, soal selidik dan analisis kandungan. Menurut Marohaini (2001), penggunaan pelbagai teknik pengumpulan data dapat memperkuuhkan kesahan dalam reka bentuk kajian yang dijalankan.

Bagi analisis kuantitatif pula, hanya statistik deskriptif mengenai pra-ujian pasca-ujian dari dua buah sekolah sahaja yang dikemukakan kerana kertas kerja ini merupakan kajian awal tesis yang masih dalam proses pengumpulan data.

Penganalisisan Data Kuantitatif

Data-data kajian ini dikumpul dan dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS versi 21.0. Analisis deskriptif min kekerapan telah digunakan bagi melihat taburan skor pencapaian dalam penulisan karangan yang diperoleh oleh kumpulan fokus ini.

Bagi data kuantitatif, keputusan pra-ujian dan pasca-ujian pelajar digunakan untuk dibuat perbandingan dan dianalisis bagi menilai keberkesanan strategi yang digunakan.

Jadual 2 menunjukkan analisis data bagi kajian yang dijalankan di Singapura. Jadual 3 pula menunjukkan analisis data bagi kajian yang dijalankan di Brunei.

Dari Jadual 2, dalam pra-ujian, min pencapaian keseluruhan pelajar di Singapura ialah 22.78 dengan sisihan piawai sebanyak 2.95. Sementara min pencapaian keseluruhan penulisan karangan dalam pasca-ujian ialah 32.33 dengan sisihan piawainya 2.00.

Jadual 2 : Analisis Statistik Deskriptif Sekolah Singapura

Ujian	N	Min	Sisihan Piawai (SP)
Pra	9	22.78	2.95
Pasca	9	32.33	2.00

Dapatan di atas memperlihatkan bahawa pelajar-pelajar telah mencapai keputusan yang lebih baik dalam pasca-ujian dengan min 32.33 apabila dibandingkan dengan keputusan dalam pra-ujian dengan min 22.78. Ini bermakna rawatan yang diberikan berkesan dalam meningkatkan pencapaian pelajar dalam penulisan karangan naratif.

Bagi Jadual 3, dalam pra-ujian, min pencapaian keseluruhan pelajar sekolah di Brunei ialah 22.45 dengan sisihan piawai .82. Sementara min pencapaian keseluruhan penulisan karangan dalam pasca-ujian ialah 32.09 dengan sisihan piawai 1.76.

Jadual 3 : Analisis Statistik Deskriptif Sekolah Brunei

Ujian	N	Min	Sisihan Piawai (SP)
Pra	11	22.45	.82

Dapatkan di atas terdapat perbezaan yang signifikan antara min pencapaian keseluruhan penulisan karangan jenis naratif bagi pelajar-pelajar di Brunei dalam pra-ujian dan pasca-ujian. Ini bermakna rawatan yang diberikan berkesan dalam meningkatkan pencapaian pelajar dalam penulisan karangan naratif.

Analisis awal kajian ini menjelaskan bahawa rutin berfikir yang dipilih ini berhasil menunjukkan keberkesanannya kepada pelajar-pelajar di Brunei dan di Singapura.

Penganalisaan Data Kualitatif

Bagi penilaian kualitatif pula, borang soal selidik digunakan sebagai instrumen untuk meneliti pembelajaran pelajar setelah Rutin Berfikir ‘Figura Bahasa’ dijalankan. Daripada borang soal selidik ini dapat juga diteliti keberkesanannya Rutin Berfikir ‘Figura Bahasa’ melalui kaca mata pelajar. Di bawah ini diperlihatkan beberapa data daripada soal selidik yang dianalisis.

Jadual 4 : Templat Puisi Intan ini mudah digunakan pada waktu peperiksaan dengan menulis idea mereka dalam bentuk ‘intan’ atau ‘berlian’.

Respons	Kekerapan	Peratusan
Sangat Setuju (SS)	10	50.0
Setuju (S)	10	50.0
Tidak Setuju (TS)	0	0.0
Sangat Tidak Setuju (STS)	0	0.0
Jumlah	20	100.0

Daripada data yang digabungkan daripada pelajar-pelajar Brunei dan Singapura, rata-rata, respons pelajar akan Rutin Berfikir ‘Figura Bahasa’ ini memberangsangkan. Kesemua pelajar di kedua-dua sekolah memberi respons positif dalam soal selidik yang diberikan sebagai pemantauan pelajar dalam menggarap pembelajaran karangan naratif, selepas pasca-ujian dijalankan.

Jadual 5: Kelas yang dijalankan telah meningkatkan minat saya terhadap Bahasa Melayu

Respons	Kekerapan	Peratusan
Sangat Setuju (SS)	12	60.0
Setuju (S)	8	40.0
Tidak Setuju (TS)	0	0.0
Sangat Tidak Setuju (STS)	0	0.0
Jumlah	20	100.0

Daripada analisis soalan ini, pelajar kelihatan amat ghairah menggunakan aplikasi *Diamante* dalam talian. Pelajar dapat melihat manfaat pengajaran rutin berfikir ini kepada mereka setelah melihat peningkatan pada markah pasca-ujian mereka. Secara keseluruhan, strategi pengajaran dan pembelajaran yang digunakan telah berjaya memberikan kesan yang positif kepada para pelajar.

Strategi menggunakan Rutin Berfikir ‘Figura Bahasa’ ini menitikberatkan penilaian formatif. Pelajar yang terdorong dengan penggunaan rutin berfikir ini akan berusaha untuk menghasilkan pencapaian yang terbaik kerana dapat menggabungjalinkan daya pemikiran CIT dengan elemen-elemen yang diperlukan dalam penulisan karangan. Pada masa yang sama, guru yang sering dihadapkan dengan cabaran keterbatasan waktu dalam melaksanakan pembelajaran dalam bilik darjah dapat menghidupkan budaya berfikir di sekolah, seterusnya di rumah.

Strategi penulisan yang ditunjuk ajar pengkaji dalam kajian ini berupaya membimbing pelajar menjana idea yang jarang dicetus oleh mereka. Penguasaan kosa kata dan teknik gaya bahasa yang berbeza daripada biasa merupakan intisari kejayaan bagi komponen kertas Bahasa Melayu khususnya bahagian karangan naratif yang sangat-sangat diharapkan dapat dikuasai oleh kumpulan pelajar ini.

KESIMPULAN

Rutin Berfikir ‘Figura Bahasa’ telah berjaya melatih pelajar untuk menghasilkan pemikiran yang menepati visi MOE Singapura dan Brunei melalui rutin berfikir ini. Ini sejajar dengan pernyataan tesis Kamsiah Abdullah (1994) yang menegaskan akan perlunya mengajar pemikiran kritis (dan juga inventif) secara sedar. Bagi pendidik pula, mereka perlulah diberi latihan yang secukupnya untuk membantu mereka menyiapkan pengajaran dan pembelajaran pemikiran CIT dengan lebih berkesan.

Dapatkan kajian ini secara kuantitatif dan kualitatif menunjukkan bahawa Rutin Berfikir ‘Figura Bahasa’ ini berjaya memperbaik penulisan naratif pelajar dengan signifikannya. Pelajar didapati berjaya menggunakan frasa-frasa yang menarik dan kreatif dalam karangan mereka. Penulisan pelajar bertambah baik dan lebih berstruktur, iaitu dengan adanya dialog/monolog, frasa berbunga, peribahasa, persoalan, onomatopaeia, imbas kembali, watak/perwatakan serta pengolahan isi yang menarik yang terdapat dalam karangan yang ditulis.

Keterbatasan kajian adalah saiz subjek kajian yang kecil. Keterbatasan lain adalah tempoh intervensi yang singkat yang perlu diambil kira kesannya kerana memperkenalkan sesuatu yang baru memerlukan jangka masa yang agak lama untuk ‘dibudayakan’ dan dibiasakan.

Walau bagaimanapun, kumpulan pelajar ini menunjukkan bahawa mereka mampu menyumbang saran idea untuk mempertingkatkan penulisan karangan naratif mereka. Bukti awal keberkesanan rutin berfikir yang dijalankan ini diharapkan akan lebih ketara apabila kesemua soalan dalam borang soal selidik dianalisis berserta dengan analisis bagi elemen-elemen karangan naratif yang dipilih. Kajian yang serupa akan diteruskan di beberapa sekolah pada tahun hadapan untuk mendapatkan lebih responden.

Pendekatan ketika mengajar Bahasa Melayu perlu bersifat dinamik supaya ia kekal relevan, menarik dan tidak membosankan. Penggunaan Rutin Berfikir ‘Figura Bahasa’ merupakan satu usaha inovatif yang bertujuan untuk mempertingkatkan lagi kemampuan menulis pelajar. Natijahnya, kajian ini dengan jelas berjaya menarik minat para pelajar untuk mendalami dan menggunakan Bahasa Melayu dengan baik dan berkesan.

Secara keseluruhan, persoalan kajian ini dapat dijawab melalui analisis awal yang dijalankan dalam pembelajaran penulisan karangan naratif. Konsep pemikiran kritis dan pemikiran inventif ternyata boleh diintegrasikan dalam pembelajaran penulisan karangan naratif dan menjadikannya budaya berfikir kerana pelajar tidak lupa menggunakan templat Puisi Intan ketika menduduki peperiksaan akhir tahun dengan melakarnya sendiri.

Puisi Intan ini sebenarnya merupakan satu teknik yang wajar diterokai dengan lebih lanjut. Pelajar menerima baik teknik ini kerana ia mewujudkan suasana pembelajaran yang imersif dan menyeluruh. Puisi Intan juga merupakan satu teknik yang amat dinamik kerana dapat diaplikasikan merentas pelbagai disiplin dan topik. Ini menyediakan ruang yang hampir tidak terbatas untuk guru bukan Bahasa Melayu menjana idea berdasarkan kepelbagaiannya tema yang sedia ada dalam sukanan pelajaran.

Guru berupaya menjalankan pengajaran dan pembelajaran dengan lebih berstruktur, berkesan dan menyeronokkan terutama apabila pelajar menggunakan aplikasi *Diamante* dan aplikasi *Padlet* sebagai wadah penyimpanan idea karangan naratif pelajar yang boleh dirujuk bila-bila masa sahaja oleh semua pelajar, sama ada di Brunei mahupun di Singapura.

Terbukti Rutin Berfikir ‘Figura Bahasa’ ini mampu dicerna pelajar. Penerimaan pelajar akan kajian ini dianggap penting sebagai satu kayu ukur kepada guru untuk menjalankan strategi pengajaran yang sama

dengan kumpulan pelajar yang lain. Proses pengamatan dan penjanaan idea yang begitu menyerlah dalam kalangan pelajar juga membuktikan bahawa rutin berfikir ini berupaya merangsang pemikiran kritis dan pemikiran inventif golongan pelajar abad ke-21 ini, sekali gus menjadikannya pemangkin budaya berfikir.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan (1996). *Isu-isu pembelajaran dan pengajaran bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Khair Mohd. Nor (2005). Menulis Membina Ketramplian Berfikir. *Pelita Bahasa*. Julai, 18(7): 12-14.
- Creswell, J. W., & Plano Clark, V. L. (2007). *Designing and conducting mixed methods research*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Dewey, J. (1933). *How We Think. A restatement of the relation of reflective thinking to the educative process* (Revised edn.), Boston: D. C.
- Ennis, R. H. (1989). Critical Thinking and Subject Specificity: Clarification and Needed Research. *Educational Researcher*, 18(3), 4-10.
- Facione, P. A. (1990). *California Critical Thinking Skills Test Manual*. Millbrae, CA: California Academic Press.
- Faridah Serajul Haq, Nooreiny Maarof dan Raja Mohd. Fauzi Raja Musa (2001). Masalah penulisan naratif dalam kalangan pelajar sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia*. 27, 3-26.
- Hildebrand, M. F. (2009). Visible Thinking Routines: Creating a Classroom Culture of Thinking. *Marcia F. Hildebrand & Helen S. Simpson Holland Public Schools*. Special Education, 23, 4.
- Johnson, Colleen (2002). Drama and Metacognition. *Early Child Development and Care*. 172: 6, 595-602.
- Kamsiah Abdullah (1993). Karangan naratif dan laporan - satu kajian tentang matlamat fungsional dan prestasi murid-murid sekolah menengah di Singapura. *Jurnal Dewan Bahasa*. 37(6), 484-493.
- Kamsiah Abdullah (1994). *The Critical Reading and Thinking Abilities of Malay Secondary School Pupils in Singapore*. Tesis PhD University of London.
- Kamsiah Abdullah (2014). Puisi Intan dalam pengajaran Bahasa Melayu: Satu Kajian Penerokaan. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 39(1) (2014): 26-37.
- Maria Abdullah dan Kamisah Osman (2010b). 21st Century inventive thinking skills in science among students in Malaysia and Brunei, *Procedia Social and Behavioral Sciences*9, hlm. 1646–1651.
- Marohaini Yusoff (2001). Pengutipan dan pengumpulan data perlakuan dan proses menulis karangan dalam bilik darjah. Dlm. Marohaini Yusoff (pnyt.) *Penyelidikan Kualitatif: Pengalaman Kerja Lapangan Kajian*, hlm. 87-119. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Marohaini Yusoff (2004). *Perlakuan dan Proses Menulis Karangan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ministry of Education, Singapore. (2011a). *Enhancing the teaching and testing of Mother Tongue Languages (MTL) to nurture active learners and proficient users - MTL review committee releases its recommendations*. Dimuat turun daripada: <https://tucksoon.wordpress.com/2011/01/18/enhancing-the-teaching-and-testing-of-mother-tongue-languages-mtl-to-nurture-active-learners-and-proficient-users-mtl-review-committee-releases-its-recommendations/>
- Ministry of Education, Singapore (2011b). *Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu: Sekolah Menengah*. CPDD, MOE: Singapore.
- Nik Safiah Karim (2004). *Bahasa Melayu sedekad yang lalu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noni Ratina bte Haji Japah (2007). *Analisis karangan naratif bagi pelajar menengah atas: Satu kajian*. Tesis Sarjana. FASS. Universiti Brunei Darussalam.
- Nuraishah Mahmood dan Sanisah Rahim (2014). Kemahiran menulis: suatu kajian pengajaran bagi peningkatan kemahiran karangan melalui penggunaan frasa berbunga. *Prosiding Seminar Bahasa Melayu Menyemai Bahasa Menuai Budi*. Pusat Bahasa Melayu Singapura 14, 171-179.

- Nur Fazalina dan Suriana Mohamed Bakri (2014). Gaya bahasa perbandingan dalam penulisan karangan naratif. *Prosiding Seminar Bahasa Melayu, Menyemai bahasa menuai Budi*. Pusat Bahasa Melayu Singapura 4, 62-71.
- Ritchhart, Ron, and David N. Perkins (2005). *Learning to Think: The Challenges of Teaching Thinking*. In Cambridge Handbook of Thinking and Reasoning, edited by Keith Holyoak and Robert G. Morrison. Cambridge: Cambridge University Press.
- Ritchhart, Ron, Patricia Palmer, Mark Church, dan Shari Tishman (2006). *Thinking Routines: Establishing Patterns of Thinking in the Classroom*. Paper presented at the AERA, San Francisco.
- Rosnita Hamid dan Sarifah Hassan (2013). Keberkesanan teknik BKEMAS dalam pengajaran kemahiran menulis karangan naratif. *Prosiding Seminar Bahasa Melayu, Bahasa dan Jati Diri Melayu*. Pusat Bahasa Melayu Singapura 12, 145-151.
- Salmon, A. (2008). Promoting a culture of thinking in the young child. *Early Childhood Education Journal* 35(5): 457-61.
- Santrock, J. W. (2004). *Educational psychology* (2nd ed.). Boston: McGraw-Hill.
- Suppiah Nachiappan (2006). *Penggunaan gaya bahasa dan pemprosesan informasi dalam penulisan karangan melalui analisis hermeneutik*. Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Winn, I.J. (2004). The High Cost Of Uncritical Thinking. *Phi Delta Kappan*, 85(7), 496-497.
- Yahya Othman (2005). *Trend dalam pengajaran bahasa Melayu*. Pahang: PTS Profesional Sdn.Bhd.
- Yahya Othman (2012). *Penggunaan Gaya Bahasa dalam Penulisan Karangan Naratif Pelajar Prauniversiti di Brunei Darussalam*. Brunei Darussalam: University of Brunei.

Sumber Internet:

(Lelaman *Diamante*)

(Vanessa Steele (2008). *How to approach discursive writing.*)

<http://malaylanguagecentre.moe.edu.sg/khazanah-ilmu/bahan-terbitan-mlcs/2014> (Pusat Bahasa Melayu Singapura)

<http://www.edwarddebonofoundation.com/Creative-Thinking-Techniques/CoRT-Tools.html> (CoRT by Edward de Bono)

<http://www.moe.gov.bn/Theme/Home.aspx> (Kementerian Pendidikan Brunei)

<http://www.pz.harvard.edu/> (Project Zero Website)

<http://www.readwritethink.org/files/resources/interactives/diamante/>

<https://padlet.com/> (Lelaman Padlet)

<https://www.teachingenglish.org.uk/article/how-approach-discursive-writing>

ABOUT THE AUTHOR

Fawziyah Binte Ali: A teacher by profession in Singapore and is currently taking Professional Development Leave (PDL) to read PhD at Universiti Brunei Darussalam (UBD). She is a second-year PhD student attached to Malay Language and Linguistics Department of Faculty of Arts and Social Sciences (FASS). She was awarded the Bachelor of Arts in Education and Master in Education in Malay Language and Literature, both from National Institute of Education (NTU/NIE), Singapore. She has been teaching Malay Language since she started her profession in 1991 after attaining Certificate-in-Education. Since becoming a Malay Language teacher, she has taught both primary and secondary schools before pursuing her PhD in the same area. She has been given the tasks to be a mentor to new teachers, an ICT Mentor to the Mother Tongue Department and a discipline teacher. She was a Subject Head for the Malay Language Department for both primary and secondary schools and was appointed as the Moral Education Coordinator after two years in the education service. She has also presented at various platforms locally and overseas and her papers have been published too. The first published paper was entitled: ‘Hook On To The Figure’

(A Strategy To The Teaching of Narrative). Her particular research interests are in the Malay Language and pedagogy. Her PhD thesis is based on both topics which she hoped to complete in 2 years' time.

(Fawziyah Binte Ali ialah calon PhD tahun kedua di Jabatan Pengajian Melayu, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Brunei Darussalam (UBD). Beliau meraih ijazah Sarjana Muda dan ijazah Sarjana dalam Pengajian Bahasa Melayu dan Sastera dari Institut Pendidikan Nasional (NTU/NIE), Singapura. Beliau seorang pendidik di Singapura yang mengambil cuti selama tiga tahun untuk menyambung pengajiannya di UBD, bermula pada tahun 2015. Sepanjang kerjaya beliau sebagai guru Bahasa Melayu, beliau pernah berkhidmat di sekolah rendah selama 10 tahun dan setelah menerima ijazah Sarjana Muda pada tahun 2003, beliau dipindahkan ke sekolah menengah sehingga kini. Di samping mengajar subjek Bahasa Melayu, beliau pernah ditugaskan sebagai Ketua Subjek Jabatan Bahasa Melayu untuk menyelia kegiatan Jabatan Bahasa Melayu. Beliau turut diamanahkan untuk menjadi mentor kepada para guru baharu di sekolah. Beliau juga ditugaskan menjadi mentor ICT kepada guru-guru di Jabatan Bahasa Ibunda di sekolah beliau. Pernah ditugaskan untuk membantu ketua guru disiplin sekolah dalam memantau disiplin pelajar. Beliau telah beberapa kali membuat perbentangan di dalam dan di luar negara termasuk di Pekanbaru dan di Melbourne. Kertas kerja yang dibentangkan juga telah diterbitkan. Kertas kerja pertama yang diterbitkan bertajuk 'Hook On To The Figure' (Strategi Mengajar Karangan Naratif). Beliau berminat dalam pengajaran bahasa Melayu khususnya pedagogi dan penguasaan bahasa Melayu serta kemahiran berfikir. Justeru itu, beliau telah memilih pengkhususan dalam bidang bahasa sebagai tumpuan kajiannya di peringkat Doktor Falsafah.)

Lampiran 1 : Contoh Rancangan Pengajaran

RANCANGAN PENGAJARAN KARANGAN NARATIF BAHASA MELAYU			
TEMA	OBESITI / KEGEMUKAN		
TAJUK	ANUGERAH YANG TIDAK TERHINGGA		
SUBJEK	BAHASA MELAYU	MASA:	Bilangan pelajar :
OBJEKTIF	<p>Pada akhir pengajaran dan pembelajaran, pelajar dapat:</p> <p>Melakar watak utama dan watak sampingan dalam kerangka Puisi Intan dengan menggunakan kata adjektif, kata seerti/seiras dan kata berlawan/berpasang.</p>		
AKTIVITI	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pemilihan tema ‘Obesiti’ diberikan kepada pelajar. 2. Seterusnya, pemilihan nama watak utama dan watak sampingan yang unik dipilih. Kemudian adjektif bagi perwatakan wata pelajar. Di sini, pemikiran kritis berserta inventif diaplikasikan. Pelajar boleh mencipta adjektif berlawan atau seiras. Contohnya (berlawanan sifatnya); atau moden dan kontemporari (sama maksudnya). 3. Sesi sumbangsaran dijalankan secara berpasangan untuk menambah kosa kata yang berkaitan dengan tema dan watak. 4. Selanjutnya, pelajar menyusun dengan menggunakan senarai kosa kata tersebut dalam kerangka Puisi Intan. Contohnya, baris nama watak; baris kedua dan ketiga menerangkan mengenai ‘perwatakan watak’, contohnya ‘anak mithali’; baris ketiga mungkin lebih lanjut akan sikap atau pekerjaan anak mithali itu; selanjutnya, baris keempat dan kelima, perkataan berlawan bagi ‘mithali’ ‘derhaka’; baris terakhir sekali ialah perkataan ‘menyesal’ atau ‘balasan’. Kerangka Puisi Intan ini boleh dicipta seberapa Dinasihat watak tidak perlu lebih daripada tiga. 5. Pastikan bentuk Puisi Intan ini seperti bentuk intan. Bagi aplikasi dalam talian, sudah dipersiapkan susunannya. Amanah http://www.readwritethink.org/files/resources/interactives/diamante_poems_2/ 6. Guru boleh membantu di dalam aktiviti ini dengan menggalakkan pelajar menggunakan kamus bagi mencari perkataan yang seirama yang dijumpai. Di sini, pelajar boleh meluaskan kosa kata mereka dengan memilih perkataan berbunga atau bombastik maupun onomatopeia dalam puisi. Contohnya, ‘matahari’ boleh ditukar kepada ‘suria’; ‘awan’ kepada ‘mega’ dan sebagainya.² 7. Puisi Intan yang dicipta dalam lelaman <i>Diamante Poems</i> boleh dihantar kepada guru melalui e-mel atau wadah <i>Padlet</i> untuk diskusi bersama. 		
PENGISIAN KURIKULUM	ICT	Nilai: Menghargai keluarga / sahabat	
	Pemikiran Kritis (menjana idea)	Pemikiran Inventif (mencipta watak, isi karangan)	
BAHAN BANTU	Puisi Intan (Diamante)	Padlet	
PENILAIAN P & P	Pelajar menjelaskan kata adjektif, kata seerti dan kata berlawan.		
REFLEKSI	Pencapaian pelajar dalam bentuk bilangan Puisi Intan.		

² Penggantian kosa kata dalam penulisan dapat memperbaik kelakonan pelajar dalam tugas menulis kerana kepelbagaiannya dalam kosa kata digunakan untuk menjadikan penulisan lebih menarik. Menurut M.A.K. Halliday dan Ruqaiya Hasan (1976), penggantian kosa kata adalah salah satu cara menyatakan idea dalam penulisan. Latihan penggantian kosa kata bertahap yang diberikan dapat membiasakan pelajar dengan kosa kata yang pelbagai. Pelajar kemudiannya bukan sahaja dapat memberikan kosakata yang berbeza dan menarik, mereka juga mampu menambahkan kosa kata dan frasa untuk menjadikan karangan mereka lebih menarik.